

Pemimpin Dunia Ketiga tidak boleh dicipta

MALAYSIAN - 5 SEP 1992

Daripada KHALID MOHD.
Di Jakarta

APABILA Dr. Mahathir Mohamad pergi ke Restoran Natarabu di Jalan Agus Salim, Rabu lepas untuk makan nasi padang, beliau terpegun sejenak dengan kemesraan dan rasa besar hati yang ditunjukkan kepadanya oleh rakyat biasa Indonesia.

Mereka bertepuk, tampil untuk bersalam dengannya dan ada yang melaung "Mahathir." Perdana Menteri jelas kelihatan terharu.

Apa yang berlaku di Natarabu tidak diatur oleh sesiapa. Ia berlaku secara spontan. Natarabu bukan restoran eksklusif. Ia dikelilingi kedai-kedai kecil dengan hiruk-pikuk peniaga dan orang ramai yang lalu-lalang.

Sambutan kecil di Natarabu menimbulkan beberapa pertanyaan — apakah kemesraan yang ditunjukkan itu kerana Dr. Mahathir dari rumpun bangsa yang sama; atau apakah kerana memang beliau dikenali ramai di sini; atau apakah kerana kelantangannya menentang Barat.

Mungkinkah juga kerana beliau turut dilihat sebagai seorang pemimpin Islam rantau ini.

Biar apapun sebabnya, ia mencerminkan ikatan bangsa Indonesia dengan bangsa Malaysia yang tetap wujud sungguhpun hubungan di peringkat rasmi sering turun naik.

Seorang diplomat Indonesia yang pernah berkhidmat di Kuala Lumpur menyifatkan hubungan antara dua negara tetangga itu sebagai hubungan abang dengan adik. Maka sebab itulah ia sering sangat menyenangkan perasaan dan kadangkala menyinggung satu sama lain.

Sebagai negara yang besar dan luas dengan penduduk lebih 180 juta dan mencapai kemerdekaan 12 tahun lebih awal daripada Malaysia, dengan sendirinya Indonesia menjadi "abang" dalam hubungan kedua-dua negara serumpun itu.

Dan dengan sendirinya juga si abang tentulah mengharapkan layanan yang sepatutnya daripada si adik. Kalau di dalam sebuah keluarga, seorang abang selalunya tidak akan senang jika adik melebihinya.

Pada Sidang Kemuncak Pergerakan Berkecuali Ke-10 di Jakarta, pihak Indonesia mengambil langkah supaya Dr. Mahathir tidak menjadi "bintang utama" dan membayangkannya sebagai tuan rumah.

Akhbar-akhbar Indonesia, sebelum sidang bermula lagi telah diminta supaya tidak menonjolkan Dr.

Mahathir yang dilihat sebagai seorang yang semakin layak menjadi pemimpin Dunia Ketiga.

Indonesia bukannya tidak mahu Dr. Mahathir "mencuri perhatian" Sidang Kemuncak tetapi juga tidak mahu kelantangannya menghentam Barat mendapat liputan besar di sini. Ini kerana Indonesia tidak senang dengan pendirian Malaysia mengancam Barat atas sikap *double standard*nya dalam berbagai-bagai isu.

Adalah difahamkan bahawa akhbar-akhbar Indonesia memang mempunyai rancangan untuk menyiarkan rencana tentang Dr. Mahathir dalam profil para pemimpin NAM.

Rancangan ini dibatalkan berikutan arahan daripada Pejabat Presiden sendiri supaya Malaysia dan Dr. Mahathir tidak ditonjolkan.

Bagaimanapun selepas hari pertama persidangan datang arahan lain supaya arahan awal itu "dilonngarkan" sedikit. Justeru itu sidang akhbar Perdana Menteri yang dihadiri oleh kira-kira 300 orang wartawan mendapat tempat di muka depan sesetengah akhbar.

Namun begitu, penekanan tidak diberikan kepada kritik-kritik tajam Dr. Mahathir terhadap Bat-at dan kuasa-kuasa yang kuat yang sedang memulus tangan negara kecil dan lemah.

Ucapan Perdana Menteri pada hari pertama Sidang Kemuncak boleh dikatakan tidak disiarkan langsung oleh akhbar-akhbar Indonesia kecuali *Jakarta Post* yang menyiarkan tiga perenggan sahaja. Itupun dirangkumkan dengan ucapan pemimpin-pemimpin lain.

Sungguhpun Perdana Menteri berkata bahawa beliau memahami kenapa ucapannya tidak mendapat tempat, adalah sukar untuk menerimanya alasan bahawa Ltcnpan beliau langsung tidak mempunyai nilai berita atau akhbar-akhbar Indonesia tidak cukup twang pada hari tersebut.

Akhbar-akhbar Malaysia yang juga menghadapi masalah ruang tetap memberikan tempat pada ucapan Presiden Suharto walaupun keutamaan diberikan kepada ucapan Dr. Mahathir.

Rasa tidak senang Indonesia terhadap kemaraan Malaysia untuk menjadi negara maju dan kemunculan Dr. Mahathir sebagai seorang pemimpin yang layak untuk bercakap bagi Dunia Ketiga amatlah difahami.

Sebagai "abang" dari negara yang jauh lebih besar dengan penduduk 10 kali ganda lebih ramai, sesungguhnya Indonesia ialah yang sepatutnya lebih menonjol dalam menentang keangkuhan Barat dan memperjuangkan nasib negara-negara miskin.

Dan Presiden Suharto sebagai pemimpin paling

Mahathir telah diberikan tepukan yang bergemuruh apabila beliau masuk ke sebuah restoran biasa di tengah-tengah kota Jakarta

kanan di rantau ini tentulah dirasakan lebih berke-
layakan untuk memainkan peranan yang dimainkan
oleh Dr. Mahathir.

Tapi umum tahu bahawa stail Presiden Suharto
adalah berlainan. Beliau datang daripada latar
belakang yang berlainan dan sistem pemerintahan
yang berlainan.

Adalah tidak adil bagaimana-mana pihak mem-
bangkitkan kelemahan Presiden Suharto dalam bahasa
Inggeris sebagai faktor untuk memperkecilkan kebole-
hannya sebagai pemimpin.

Meskipun masih menghadapi berbagai-bagai
masalah, seperti juga lain-lain negara membangun,
politik dan ekonomi Indonesia berada dalam keadaan
stabil di bawah pemerintahannya.

Juga adalah tidak adil membandingkan pentadbiran
sebuah negara 180 juta penduduk dengan pentadbiran
negara 18 juta penduduk.

Pun begitu, apakah adil Dr. Mahathir yang cuba

menyedarkan negara yang kuat dan kaya akan
keangkuhan mereka, disindir sebagai cuba menjadi
"Sukarno Kecil."

Walaupun Dr. Mahathir berkata beliau tidak ters-
inggung, sebagai "abang" Indonesia tentulah dapat
merasai isi hatinya. Kata Perdana Menteri beliau tidak
ingin dikait-kaitkan dengan pemimpin besar
Indonesia itu "kerana di negara sendiripun saya
hanya dianggap sebagai Mahathir kecil sahaja."

Beliau menambah, apalah Malaysia yang kerdil
dengan penduduk 18 juta di sisi Indonesia.

Kerendahan hati ini adalah sikap seorang "adik."
Indonesia dan Presiden Suharto yang sudah 25 tahun
memerintah tidak perlu terlalu mengambil pusing
dengan tingkah laku Dr. Mahathir. Tentulah seorang
abang lebih memahami isi hati adiknya.

Pemimpin Dunia Ketiga bukanlah sesuatu yang
boleh dibuat sendiri. Ia juga memerlukan penerimaan
pihak-pihak yang hendak dipimpin. Seorang manusia
tidak boleh memimpin Dunia Ketiga semata-mata
atas kepetahannya berpidato sahaja atau atas kebe-
sarannya sahaja.

Jika petah dan besar tapi mundur dan miskin,
dunia sudah pasti tidak akan memberi hormat.
Singapura kecil dengan rakyat kira-kira dua juta tapi
ia dihormati dunia kerana maju dan berjaya.
Suaranya didengar. Pemimpinnya bijak bercakap dan
bijak bekerja.

Pokoknya, sesiapa sahaja yang berhasrat untuk
memperjuangkan nasib orang lain di samping nasib
rakyatnya perlu terlebih dahulu memastikan hal
ehwal rumahtangganya sendiri terurus.

Kestabilan politik, kecergasan ekonomi dengan
pemerintahan terbuka yang disertai oleh setiap golon-
gan rakyat harus wujud di tanahairnya. Initermasuk-
lah hak rakyat untuk bersuara dan toleransi kepada
golongan yang tidak sealiran.

Sebagai Pengerusi Pergerakan Berkecuali sekarang
Suharto mempunyai masa tiga tahun untuk muncul
sebagai pemimpin yang lebih besar daripada Presiden
Indonesia. Platform NAM boleh digunakan untuk
mendekati cita-citaini.

Jika beliau berjaya mengubah Pergerakan
Berkecuali daripada sebuah "kelab orang miskin"
yang sudah tidak berperanan dalam dunia satu polar
hari ini, kedudukannya sebagai pemimpin paling
kanan di rantau ini akan terangkat ke kedudukan
yang lebih tinggi.

Tug-as ini bukanlah mudah dan tidak boleh
dibebankan ke atas Suharto semata-mata.
Bagaimanapun ia memberi peluang kepadanya untuk
menjadi "Sukarno Bcsar."